



Tajuk

Ali ingin menanam pokok cili. Terangkan perkara yang perlu diberi perhatian dari peringkat biji benih sehinggalah tumbesaran pokok agar pokok cili mempunyai tumbesaran yang baik.

Objektif

- i Menanam pokok cili
- ii Membuat pemerhatian tentang penjagaan pokok cili







Arahan

- 1 Perkara yang perlu diberi perhatian terhadap biji benih cili ialah air, udara dan suhu yang sesuai.
- 2 Setelah biji benih bercambah dan menjadi anak pokok, perkara yang perlu diberi perhatian pula ialah air, udara, cahaya matahari dan nutrien.
- 3 Dengan memberi perhatian terhadap perkara-perkara tersebut, pokok cili Ali akan mempunyai tumbesaran yang baik.

Langkah-langkah

- 1 Guru menyediakan bahan-bahan seperti:
 - Biji benih cili
 - Bekas semaian
 - Tanah hitam atau tanah kompos
 - Air dalam penyiram kecil
- 2 Murid melihat dan memegang biji benih cili sambil guru menerangkan bentuk dan saiznya.

- 3 Murid menanam biji benih dalam bekas kecil yang berisi tanah lembap.
- 4 Biji benih ditanam kira-kira 1 cm dalam tanah.
- 5 Murid menyiram air dengan perlahan menggunakan penyiram kecil supaya tanah tidak terlalu basah
- 6 Murid meletakkan bekas di tempat yang sesuai, yang mempunyai udara segar dan suhu sederhana (tidak terlalu panas atau sejuk).
- 7 Murid memerhati biji benih setiap hari dan mencatatkan perubahan (contoh: biji bercambah, keluar daun, batang tumbuh).
- 8 Apabila anak pokok sudah kuat, murid dan guru bersama-sama memindahkan ke kawasan tanah yang cukup cahaya matahari.
- 9 Murid menjaga pokok dengan menyiram air setiap hari, memastikan tanah tidak kering, dan membuang rumput liar.
- 10 Murid memberi baja untuk menambah nutrien kepada tanah.
- 11 Murid membuat laporan pemerhatian, seperti melukis gambar tumbesaran pokok cili dari minggu ke minggu.

		
Anak benih	3-4 minggu	4-8 minggu
		
2-4 bulan	Berbunga	Berbuah